

ANM(T) 81/10/6/10 (50)



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA BILANGAN 10 TAHUN 2018**

PERATURAN BAYARAN KHAS TAHUN 2018

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

1. TUJUAN.....	2
2. LATAR BELAKANG	2
3. PELAKSANAAN.....	3
4. HAL-HAL LAIN	5
5. TARIKH KUAT KUASA	5
6. PEMAKAIAN	6

ANM(T) 81/10/6/10 (50)



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 10 TAHUN 2018**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Semua Akauntan Negeri/ Bendahari Negeri

PERATURAN BAYARAN KHAS TAHUN 2018

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Kementerian/ Jabatan mengenai peraturan Bayaran Khas Tahun 2018 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah menetapkan kadar Bayaran Tahun 2018 adalah sebanyak RM500 kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana.
- 2.2 Kadar Bayaran Tahun 2018 sebanyak RM250 juga dipanjangkan pemberiannya kepada pesara kerajaan yang menerima pencen.
- 2.3 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2018 bertarikh 28 November 2018 dan surat daripada Kementerian Kewangan rujukan MOF.DS(S)600-40/3/3(12) bertarikh 03 Disember 2018.

3. PELAKSANAAN

Pelaksanaan tatacara perakaunan bagi Bayaran Khas Tahun 2018 adalah seperti berikut:

3.1 Tarikh Pembayaran

Bayaran Khas Tahun 2018 ini akan dibayar pada **18 Disember 2018**.

3.2 Peruntukan Untuk Membayar Bayaran Khas Tahun 2018.

Kementerian/ Jabatan hendaklah membayar Bayaran Khas Tahun 2018 menggunakan peruntukan tahun 2018. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

3.3 Kaedah Bayaran Khas Tahun 2018

Terdapat dua (2) kaedah Bayaran Khas Tahun 2018 iaitu melalui:

3.3.1 Bayaran melalui Sistem Gaji Berkomputer

(1) Tanggungjawab Pejabat Perakaunan (AO)

- (i) Mengeluarkan **Laporan Penerima Bayaran Khas** kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- (ii) Memproses Bayaran Khas Tahun 2018 setelah Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengesahkan **Laporan Penerima Bayaran Khas**.

(2) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- (i) Menyemak **Laporan Penerima Bayaran Khas**. Pegawai yang tidak layak hendaklah dikeluarkan daripada laporan tersebut.
- (ii) Mengutip **semua amaun** yang telah dibayar kepada pegawai yang tidak layak menerima Bayaran Khas Tahun 2018 dengan kaedah berikut:
 - a. Bagi pegawai yang masih berkhidmat, tindakan pemotongan secara sekaligus hendaklah diambil bagi bayaran gaji bulan berikutnya;
 - b. Bagi pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib sepanjang tahun 2018 kutipan tunai hendaklah dibuat daripada pegawai;

- c. Bagi pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dan pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2018 sehingga 18 Disember 2018, kutipan tunai hendaklah dibuat daripada pegawai.

3.3.2 Bayaran Melalui Arahan Pembayaran (Kew. 330E)

Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew. 330E), jenis dokumen - Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2) beserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) dan dokumen sokongan yang lain.

- 3.4 Potongan ke atas Cukai Pendapatan, Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) tidak dilaksanakan tertakluk seperti berikut:

3.4.1 Cukai Pendapatan

Bayaran Khas Tahun 2018 tidak akan dikira sebagai pendapatan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

3.4.2 Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Bayaran Khas Tahun 2018 ini adalah tidak termasuk di bawah definisi "Upah" sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452). Sehubungan dengan itu ianya tidak perlu dicarumkan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

3.4.3 Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

Bayaran Khas Tahun 2018 ini tidak perlu dicarumkan ke Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

3.5 Kod Urus Niaga.

Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi Bayaran Khas Tahun 2018 adalah seperti berikut:

Kod Elaun (Payroll)	Kod Akaun	Perihal Kod
1077	B0117104	Pemberian Khas Kakitangan Awam

Kod Elaun (Payroll)	Kod Akaun	Perihal Kod
1077	B0117204	Pemberian Khas Pasukan Keselamatan
1077	B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan

4. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
62594, Presint 2
Putrajaya
u.p. : Unit Pengurusan Prestasi
emel : unit_prestasi@anm.gov.my
No. Tel. : 03-8882 1624/1612/1622/1611

5. TARIKH KUAT KUASA


Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMAKAIAN

Kementerian/ Jabatan Persekutuan dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi bagi memastikan pembayaran gaji dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut jadual yang telah ditetapkan. Peruntukan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SAAT BIN ESA C.A.(M))
Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PUTRAJAYA

4 Disember 2018

s.k :

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Audit Negara
Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri